

e-ISSN: 2976-2596
Edisi Jul-Sep 2022

KUALITI



InQKA
*Tidak mahu jadi
jaguh kampung*
Prof. Dr. Azizah Abdullah

eISSN 2976-2596



Lawatan Penandaarasan Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor

Penulis Oleh: Siti Norul'Ain

Jurugambar Oleh: Muhammad Zanjabil

19 Julai 2022, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menerima lawatan penandaarasan dari Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi Malaysia Johor (QRiM, UTM) seramai 8 orang dengan di ketuai oleh YBhg Prof Dr Yahaya Bin Md Sam, Pengarah QRiM UTM.

Ketibaan lawatan ini telah disambut oleh YBhg Prof Dr Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA dan semua Pentadbir Akademik termasuk Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, ICT dan AKNC termasuk Penolong Pendaftar Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi. Lawatan ini juga turut disertai oleh YBhg Prof Ts. Dr. Wardah Tahir, Pengarah dan Dr Muhammad Faizal Samat, Ketua Akreditasi Akademik dari Unit Hal Ehwal Kurikulum Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa.



Objektif lawatan adalah untuk menanda aras amalan terbaik (*best practice*) pelaksanaan Internal Quality Assurance (IQA) di peringkat Universiti dan Fakulti/Sekolah, menanda aras proses, sistem serta dokumentasi berkaitan jaminan kualiti akademik serta membina jaringan kerjasama dengan Universiti berstatus swaakreditasi.



Penerangan mengenai Jaminan Kualiti Dalaman telah diberikan oleh Prof Madya Dr Kamarularifin Abdul Jalil, Pengarah Jaminan Kualiti dan Prof Madya -Ing Dr Shahrul Azam Abdullah @ Ab Aziz, Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi. Selain daripada itu juga Puan Siti Norul'Ain Mohd Azizi, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, ICT dan AKNC juga telah memberi sedikit penerangan dan menjawab persoalan mengenai penganugerahan kualiti universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC).

YBhg. Prof Dr Yahaya Bin Md Sam, Pengarah QRiM UTM, berharap hubungan yang terjalin ini dapat memberikan kesinambungan dalam pengurusan kualiti universiti serta dapat bertukar-tukar pendapat mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan di antara kedua-dua universiti

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

© 2022. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor



@inqkauitm



inqka@uitm.edu.my